



PEKELILING NAIB CANSELOR BIL. 3/2020

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: MENURUNKAN KUASA MENYARING DAN MELULUS KEPADA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) BAGI PERMOHONAN WARGA MASUK KE KAMPUS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 27 APRIL 2020

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Naib Canselor Bil.2/2020 Ruk.UKM.PNC.100-1/3/1 bertarikh 27 Mac 2020 adalah berkaitan.

- Untuk makluman YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, ketika ini terdapat 1526 pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman dan sebanyak 93 rumah berpenghuni (staf yang berkeluarga) di perumahan Bukit Puteri. Sehubungan itu, pihak Universiti telah memberikan tanggung jawab kepada Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit untuk menyaring setiap kontak yang masuk ke Kampus bagi mengawal penularan wabak Covid-19 ke atas mereka. Setakat hari ini, Kampus UKM adalah bebas daripada wabak Covid-19.
- Seperti YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pihak Kerajaan telah membenarkan para pelajar untuk pulang ke rumah masing-masing mulai 27 April 2020 secara berperingkat. Pihak Universiti sedang mengatur perjalanan pulang mereka dan kita bersyukur kerana dapat menyerahkan para pelajar kepada keluarga masing-masing dalam keadaan bebas daripada wabak Covid-19.
- Pada masa yang sama, Universiti turut menerima permohonan daripada warga untuk masuk ke Kampus dengan pelbagai tujuan yang dianggap penting. Sesuai dengan penghantaran pulang para pelajar ke rumah masing-masing mulai 27 April 2020, pihak pengurusan berpandangan risiko penularan wabak Covid-19 ke atas pelajar adalah rendah. Sehubungan itu, ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) pada 25 April 2020 telah bersetuju untuk menurunkan kuasa menyaring dan melulus permohonan masuk warga UKM ke Kampus kepada Ketua PTJ masing-masing berkuat kuasa 27 April 2020.
- Dengan penurunan kuasa ini, Ketua PTJ hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat. Keputusan hendaklah pada setiap masa mematuhi Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Polis 1967, Arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan Arahan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel:ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori



6. Saya ingin menarik perhatian YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, masih terdapat pelajar yang kekal tinggal di Kolej Kediaman dan keselamatan mereka menjadi keutamaan pihak Universiti. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengekalkan keselamatan Kampus agar bebas daripada wabak Covid-19 adalah amat dihargai. Semoga amanah ini dapat dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' IR. DR. MOHD HAMDY ABD SHUKOR
Naib Canselor

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori